Jadual Ringkasan – Dokumen untuk Mendapatkan Maklum Balas

Cadangan Pindaan ke atas Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP)

Rangka kerja pengawalseliaan yang ditambah baik bagi institusi kewangan pembangunan (IKP) akan terus mengekalkan ciri-ciri unik IKP bagi memenuhi mandat sosioekonominya dan pada masa yang sama memastikan keselamatan dan kekukuhan IKP. Selain itu, pindaan yang dibuat juga selaras dengan perubahan dalam undang-undang pengawalseliaan lain yang mentadbir institusi kewangan.

Draf Rang Undang-undang ini antara lain memberikan penekanan terhadap akauntabiliti dan kehendak yang lebih besar, pematuhan kepada keperluan berhemat serta bidang penguatkuasaan pengawalseliaan yang ditambah baik. Pindaan utama yang dicadangkan ke atas Akta adalah seperti yang berikut:

BAHAGIAN A: Tiga (3) bahagian yang diperkukuh

Memperkukuh tadbir urus korporat dan mempertingkat peranan Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan			
No	**Tujuan**	**Cadangan Pindaan**	**Seksyen AIKP**
1.	Memperkukuh kriteria ‘layak dan sesuai’ untuk memastikan Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah dan Pegawai Kanan IKP dapat menjalankan tanggungjawab secara berhemah dan sewajarnya, tidak menjejaskan kepentingan pihak yang berkepentingan dan orang ramai serta menunjukkan ciri-ciri integriti kewangan	• Memperkukuh kriteria ‘layak dan sesuai’ untuk dimasukkan dalam bahagian utama tadbir urus korporat dan Jadual yang berkenaan. • Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah/Pegawai Kanan IKP dikehendaki memenuhi kriteria ‘layak dan sesuai’ sepanjang masa.	Seksyen 6A dan Jadual Pertama Seksyen 6A

2.	Ahli Lembaga Pengarah dan Pengarah IKP diberikan akauntabiliti yang lebih besar untuk melindungi kepentingan pendeposit dan pihak yang berkepentingan	• Memperuntukkan fungsi dan peranan Lembaga Pengarah IKP • Memperuntukkan peranan pengarah IKP	Seksyen 5 Seksyen 5A
3.	Memperuntukkan proses meluluskan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah IKP	• Memasukkan kuasa Menteri dalam Akta untuk meluluskan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif /Pengarah • IKP hanya boleh melantik calon yang memenuhi kriteria 'layak dan sesuai' setelah mendapat pengesahan Bank Negara Malaysia dan diluluskan oleh Menteri	Seksyen 6 Seksyen 6
Aktiviti perniagaan IKP			
1.	Memastikan aktiviti perniagaan IKP kekal selaras dengan mandat yang telah ditetapkan	• Memperluas keperluan IKP untuk memohon kelulusan Bank Negara Malaysia bagi memperoleh atau memegang kepentingan material dalam perbadanan • Memastikan pelaburan IKP dalam subsidiari berkaitan bukan kewangan atau perbadanan adalah selaras dengan mandatnya	Seksyen 25 Seksyen 26
2.	Memberikan fleksibiliti kepada IKP untuk memberikan kemudahan kredit kepada sektor yang telah ditetapkan dalam mandat IKP (tertakluk kepada syarat dan kehendak yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia)	• Membenarkan IKP untuk terlibat dalam transaksi pihak berkaitan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Ini adalah untuk memastikan kawalan dan langkah-langkah sewajarnya diambil untuk melindungi keadaan kewangan IKP	Seksyen 28

3.	Meminda istilah ‘sekatan kredit ke atas individu tunggal’ bagi menjelaskan risiko pendedahan sebenar yang ditanggung oleh IKP dalam menjalankan aktiviti perniagaan kepada ‘sekatan had pendedahan pihak balas tunggal’.	• Pindaan ke atas istilah ‘sekatan kredit ke atas individu tunggal’ kepada ‘sekatan had pendedahan pihak balas tunggal’. Ini bertujuan untuk merangkumi kesalinghubungan berikutan dari pemberian kredit IKP yang lebih luas dan untuk melindungi IKP daripada pendedahan yang berupaya untuk menjejaskan keadaan kewangan IKP	Seksyen 29
4	Akauntabiliti yang jelas berhubung dengan hal kewangan dan operasi IKP	• Menentukan peranan ahli Lembaga Pengarah IKP untuk memastikan strategi perniagaan selaras dengan mandat, kapasiti dan keupayaan IKP • Memansuhkan prosedur operasi sedia ada dalam Akta yang berkaitan dengan pengemukaan pernyataan hasrat perbadanan dan keperluan pendanaan tahunan	Seksyen 5 Seksyen 34 & 35
Pengawasan Pengawalseliaan			
1.	Menggalakkan keselamatan dan kekukuhan IKP melalui pematuhan mandatori terhadap keperluan Bank Negara Malaysia	• Memasukkan keperluan bagi IKP untuk mematuhi standard yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan memastikan dasar dalaman IKP sejajar dengan standard tersebut • Keperluan khusus berhubung dengan tanggungjawab Pengarah dan pegawai IKP untuk memastikan IKP mematuhi dasar dan prosedur dalaman	Seksyen 41 Seksyen 41

2.	Meningkatkan ketelusan pelaporan kewangan dan kawalan dalaman IKP	• Memasukkan keperluan terhadap pematuhan standard perakaunan yang diluluskan termasuk penetapan Bank Negara Malaysia sekiranya tiada standard perakaunan Syariah yang setara • Memasukkan kewajipan juruaudit luar untuk melapor kepada Bank Negara Malaysia sekiranya didapati ada kelemahan dalam kawalan dalaman atau timbul perkara yang mungkin memberikan kesan yang besar atau nyata terhadap kedudukan kewangan IKP	Seksyen 75 Seksyen 71
3.	Membolehkan Bank Negara Malaysia mengambil langkah awalan bagi memastikan keselamatan dan kekukuhan IKP	• Memasukkan pencetus awalan yang akan membolehkan Bank Negara Malaysia mengambil tindakan untuk menghalang sebarang ancaman yang boleh menjejaskan daya maju dan kesolvenan sesebuah IKP. Pencetus awalan termasuk: – Sebarang tindakan yang mungkin menjejaskan keselamatan dan kekukuhan IKP; – Apabila IKP tidak menguruskan perniagaannya mengikut prinsip tadbir urus risiko yang mantap; dan – Menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan yang tidak selaras dengan tujuan penubuhan atau mandatnya	Seksyen 54
4.	Bahagian tambahan yang dibenarkan di bawah pemeriksaan dan penyiasatan Bank Negara Malaysia	• Memasukkan peruntukan mengenai pemeriksaan yang ditambah baik, antaranya termasuk: - Memperluas jenis bukti (selain dokumen) yang boleh diterima di mahkamah - Memberikan kuasa langsung untuk memeriksa subsidiari IKP	Bahagian VIII: Seksyen 82-106

		- Menghalang IKP daripada menzahirkan maklumat yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia - Memperluas penggunaan *non-liability of person* bagi mungkir kontrak untuk memberikan maklumat kepada pemeriksa • Memasukkan peruntukan mengenai penyiasatan yang ditambah baik, antaranya termasuk: – Memperluas jenis bukti (selain dokumen) yang boleh diterima di mahkamah; – Memberikan kuasa langsung untuk menyiasat subsidiari IKP; – Memberikan fleksibiliti kepada Pegawai Penyiasat (Investigating Officer, IO) untuk menjalankan siasatan – Tadbir urus yang jelas untuk mengeluarkan arahan atau notis – Perlindungan kepada ejen provokasi (agent provocateur)	

BAHAGIAN B: Tiga bahagian baharu

	Tujuan	Cadangan Akta IKP 2002	Seksyen DFIA
Keperluan Syariah			
1.	Memastikan aktiviti perniagaan perbankan Islam IKP mematuhi keperluan Syariah yang sama seperti yang dikuatkuasakan ke atas bank-bank Islam di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI)	• Menetapkan keperluan Syariah dalam bahagian yang termasuk pematuhan Syariah dan tadbir urus Syariah serta Audit terhadap Perkara Syariah	Bahagian IIIA: Seksyen 33A-33N
		• Memasukkan keperluan bagi mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia untuk menjalankan aktiviti jendela perniagaan perbankan Islam atau penubuhan perniagaan perbankan Islam sepenuhnya	Seksyen 33A
		• Menetapkan kehendak untuk mempunyai dana modal yang berasingan bagi perniagaan perbankan Islam	Seksyen 33B
Amalan perniagaan dan perlindungan pengguna			
2.	Bagi memastikan IKP mematuhi rejim perlindungan pengguna yang sama seperti yang dikuatkuasakan ke atas penyedia perkhidmatan kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia, yang meliputi amalan perniagaan, penzahiran, kerahsiaan dan penyelesaian pertikaian	• Melarang IKP daripada terlibat dalam apa-apa amalan perniagaan yang mungkin memudaratkan pengguna kewangan	Bahagian IVA: Seksyen 42A-42E
		• Memasukkan kuasa yang diperlukan untuk Bank Negara Malaysia menentukan dan menetapkan amalan perniagaan dan perlindungan pengguna	Seksyen 42C
		• Menyelaraskan keperluan kerahsiaan dan penzahiran yang dibenarkan seperti yang dikuatkuasakan ke atas penyedia perkhidmatan kewangan lain yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia	Seksyen 42D dan Jadual Keempat

Rangka kerja penguatkuasaan pengawalseliaan			
3.	Menyediakan tindakan penguatkuasaan yang lebih meluas yang boleh memberikan tindak balas yang berkesan terhadap ketidakpatuhan. Ini bagi memastikan wujudnya ketekalan (consistency) dalam rangka kerja penguatkuasaan pengawalseliaan perkhidmatan kewangan.	• Memasukkan peruntukan yang luas dan yang diperlukan bagi rangka kerja penalti termasuk: – Penalti pentadbiran – Penalti sivil – Penalti jenayah	Bahagian VIIIA & Bahagian VIIIB: Seksyen 106A-106L

Bank Negara Malaysia
15 Oktober 2014